



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board*

Kementerian Perladangan dan Komoditi  
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (09)04/C/PD/656/4 Jil. 6

7 Disember 2022

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit  
Semua Pemegang Lesen Kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit  
Semua Pemegang Lesen Kategori Kebun Kecil  
Semua Pemegang Lesen Kategori Estet

Tuan/ Puan,

## **MAKLUMAN PENGGUNAAN HARGA PERTENGAHAN BULAN ATAU HARGA MINGGUAN MINYAK SAWIT MENTAH SEMASA MENENTUKAN HARGA BELIAN BUAH KELAPA SAWIT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-124 yang telah diadakan pada 6 Oktober 2022 telah bersetuju untuk mengeluarkan surat makluman kepada pihak berkepentingan bagi menggalakkan penggunaan harga pertengahan bulan atau harga mingguan minyak sawit mentah semasa menentukan harga belian buah kelapa sawit.
3. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan panduan harga pertengahan bulan yang dihebahkan pada setiap 16hb dan harga mingguan minyak sawit mentah pada setiap hari Selasa di laman sesawang <https://bepi.mpob.gov.my/>. Selain itu, pihak tuan/puan juga boleh memanfaatkan aplikasi mudah alih InfoSawit untuk kaedah pengiraan harga belian dan pendapatan hasil buah kelapa sawit.
4. Sehubungan itu, MPOB menggalakkan semua pihak berkepentingan menggunakan panduan harga berkenaan bagi memastikan industri sawit berdaya saing, telus, sihat dan seterusnya memberi pulangan yang setimpal kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah



s.k.

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan,  
Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPK
- iii. Setiausaha Eksekutif MPOA
- iv. Setiausaha Eksekutif POMA
- v. Setiausaha Eksekutif MOPDA
- vi. Setiausaha Eksekutif NASH
- vii. Setiausaha Eksekutif MEOA
- viii. Setiausaha Eksekutif EMPA
- ix. Setiausaha Eksekutif SOPPOA